

**JENIS-JENIS PENYERAPAN KEMAHIRAN BERNILAI TAMBAH DALAM PENGAJARAN
GURU BAHASA MELAYU BERDASARKAN TAJUK PENGAJARAN**

*(The Types of Absorption of Value Added Skills in the Teaching of Malay Language
Teachers' Based on Subject of Teaching)*

ARNIZA MOKHTAR

SMK. Bukit Katil, Melaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
arniza268@yahoo.com

ZAMRI MAHAMOD

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
d-zam@ukm.edu.my

Dihantar pada:

20 November 2017

Diterima pada:

18 Mac 2018

Koresponden:

arniza268@yahoo.com

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengkaji jenis-jenis penyerapan kemahiran bernali tambah (KBT) dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah menengah berdasarkan tajuk pengajaran yang diajar. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan empat orang guru Bahasa Melayu yang mengajar tingkatan 4 di tiga buah sekolah menengah kebangsaan sebagai peserta kajian. Data dikumpul melalui pemerhatian sebagai data utama dan disokong data temu bual. Data pemerhatian dan temu bual dianalisis secara triangulasi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa dari segi tajuk, empat orang guru Bahasa Melayu ini banyak menyerapkan KBT dalam tajuk Karangan dan Rumusan, diikuti KOMSAS dan tatabahasa. Jenis KBT yang banyak digunakan dalam empat tajuk tersebut ialah kemahiran belajar cara belajar dan kemahiran berfikir. Sebaliknya KBT berkaitan kemahiran TMK dan kajian masa depan tidak digunakan langsung oleh guru-guru Bahasa Melayu tersebut. Implikasi kajian ialah guru-guru Bahasa Melayu lebih mengutamakan kemahiran belajar untuk membantu pelajar menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Kemahiran berfikir pula diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk menepati kehendak soalan peperiksaan yang mengutamakan soalan berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi. Justeru, guru-guru Bahasa Melayu disarankan menyerapkan mempelbagaikan KBT, terutamanya kemahiran TMK, kemahiran kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, pembelajaran kontekstual dan kajian masa depan dalam pengajaran mereka.

Kata kunci: Kemahiran bernali tambah, pengajaran guru, mata pelajaran Bahasa Melayu, tajuk pengajaran, kemahiran penyerapan

Abstract: This study aims to investigate the types of value-added skills (KBT) among high school Malay language teachers based on the teaching subjects taught. This qualitative study uses four Malay language teachers who teach form 4 at three national secondary schools as study participants. Data is collected through observation as the primary data and supported by interview data. Observation and interview data were analyzed in triangulation. The findings show that in terms of the title, four Malay language teachers are widely embraced KBT in the title of Writing and Summary, followed by KOMSAS and grammar. The most widely used KBT types in the four topics are learning skills and thinking skills. On the other hand, KBT related ICT skills and future studies are not used directly by those Malay teachers. The implication of the study is that Malay language teachers prefer learning skills to help students master Malay Language well. Thinking skills are emphasized in teaching and learning to meet the needs of exam questions that put questions in the form of high level thinking skills. Hence, Malay language teachers are advised to diversify KBT, especially ICT skills, multiple intelligence skills, constructivism learning, contextual learning and future studies in their teaching

Keywords: Value-added skills, teacher teaching, Malay Language subject, title of teaching, absorption skill

PENGENALAN

Kemahiran bernali tambah atau KBT merupakan salah satu penyelesaian atau kaedah untuk mendepani perubahan pesat pada abad ke-21 kerana penyepaduan kemahiran bernali tambahmemenuhi keperluan semasa pembelajaran dan pemudahcaraan – PdPc (KPM 2002b). Usaha menambahkan pengetahuan dan menghasilkan pelajar yang serba boleh mengikut bakat dan kecerdasan tidak memerlukan perubahan kurikulum secara menyeluruh, tetapi hanya memadai dengan mengubah haluan dalam proses PdPc dengan menyelitkan atau menyerapkan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar (Norliah 2005).

Guru perlu menukar cara pengajaran sedia ada atau memberi penambahbaikan terhadap kaedah yang telah digunakan sekian lama dengan mengaplikasikan KBT (Zamri 2014). Tujuh jenis KBT dimasukkan dalam kurikulum, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kecerdasan pelbagai, pembelajaran kontekstual, pembelajaran konstruktivisme dan kajian masa depan (KPM 2002a).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013) meneruskan usaha ini dengan membangunkan kecekapan tertentu yang diperlukan oleh pelajar untuk berjaya dan berkembang maju dalam dunia global yang semakin mencabar (KPM 2002a). Hal ini selaras dengan sistem pendidikan Malaysia yang berhasrat memastikan setiap pelajar mencapai potensi sepenuhnya. Sehubungan itu, enam elemen yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 ialah kepentingan pengetahuan dan kemahiran, kemahiran pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, kemahiran memimpin, kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, sahsiah dan nilai serta semangat identiti nasional yang kuat.

KPM (2016) juga melancarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai 2017 dalam usaha melonjakkan sistem pendidikan negara. Kurikulum baru ini dirangka berdasarkan tanda aras antarabangsa bagi memastikan pelajar yang dilahirkan oleh sistem persekolahan negara ini memiliki kemahiran yang diperlukan untuk bersaing di peringkat global (KPM 2016). Dalam pendidikan Bahasa Melayu,

KPM menyemak KBSM dan menggubal semula berdasarkan penggunaan bahasa untuk membolehkan pelajar menggunakan bahasa Melayu bagi menghadapi rintangan dan cabaran pendidikan pada abad ke-21 (Zamri 2016).

Kemahiran abad ke-21 yang ternyata dalam kurikulum transformasi meneruskan usaha yang telah digariskan dalam KBSM (KPM 2012a). Hal ini menunjukkan bahawa kurikulum transformasi ini berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum transformasi ini merupakan penambahbaikan kurikulum sedia ada bagi menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan dan cabaran abad ke-21 (KPM 2013). Tegasnya, KBSM merupakan asas kepada kurikulum transformasi ini.

KSSM masih meneruskan usaha bagi menerapkan gabungan ilmu dan kemahiran yang seimbang seperti kemahiran bernali tambah (KPM 2016). Ketujuh-tujuh jenis kemahiran bernali tambah dinyatakan dalam KSSM supaya dapat diserapkan oleh guru dalam PdPc Bahasa Melayu (KPM 2016). Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) diberi penekanan dan dinyatakan secara eksplisit dalam KSSM. Lima kemahiran yang lain iaitu kemahiran belajar cara belajar, kecerdasan pelbagai, pembelajaran kontekstual, pembelajaran konstruktivisme dan kajian masa depan dinyatakan sebagai strategi PdPc yang perlu diserapkan oleh guru. Sementara itu, kemahiran TMK dinyatakan sebagai elemen merentas kurikulum, iaitu unsur nilai tambah yang diserapkan dalam proses PdPc.

Kualiti guru terutamanya dari segi asas pedagogi yang kukuh untuk menyerapkan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran merupakan penentu utama pencapaian pelajar ke arah kecemerlangan. Perubahan dalam sistem persekolahan abad ke-21 memerlukan guru bahasa mempunyai pengetahuan bahasa dan pedagogi yang mantap, iaitu dengan melaksanakan kaedah PdPc yang berpusatkan pelajar serta menyerapkan KBT di dalam dan di luar bilik darjah (Zamri 2016).

KEMAHIRAN BERNILAI TAMBAH DALAM KURIKULUM BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH

KBT mula dilaksanakan dalam kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah mulai 2003, iaitu

setelah kurikulum Bahasa Melayu KBSM dibuat semakan (KPM 2002a). KBT merupakan salah satu penyelesaian atau kaedah untuk mendepani perubahan pesat pada abad ke-21 kerana penyerapan KBT memenuhi keperluan semasa PdPc (KPM 2002f). Salah satu daripada Strategi Pengajaran dan Pembelajaran yang dinyatakan dalam kurikulum edisi semakan ini ialah penyerapan yang melibatkan KBT.

Kemahiran berfikir ditekankan dalam penyerapan, sementara kemahiran-kemahiran lain perlu juga diserapkan dalam PdPc Bahasa Melayu. Selain itu, salah satu daripada aspek Pengisian Kurikulum dalam sukan pelajaran edisi semakan dilengkapi dengan tujuh KBT yang perlu diserapkan oleh guru dalam PdPc. Tujuh jenis KBT tersebut merangkumi kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran TMK kecerdasan pelbagai, pembelajaran kontekstual, pembelajaran konstruktivisme dan kajian masa depan (KPM 2002a).

Setelah lebih satu dekad KBT dinyatakan dalam sukan pelajaran Bahasa Melayu, penekanan terhadap penyerapan kemahiran bernali tambah dalam PdPc masih dititikberatkan dan diteruskan dalam KSSM yang diperkenalkan pada 2017 (KPM 2016). Ternyata bahawa KBT yang digariskan dalam kurikulum Bahasa Melayu edisi semakan KBSM ialah asas kepada Dokumen Standard Bahasa Melayu dalam KSSM (KPM 2016). Walau bagaimanapun, KBT yang dinyatakan dalam KSSM diberi penjelmaan baru selaras dengan perkembangan bidang pendidikan negara.

Istilah KBT tidak dinyatakan secara langsung dalam KSSM. Namun begitu ketujuh-tujuh jenis kemahiran bernali tambah tetap dinyatakan dalam KSSM untuk diserapkan oleh guru dalam PdPc Bahasa Melayu (KPM 2016). Kemahiran berfikir yang dinyatakan dalam KBSM dinamakan sebagai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam KSSM. KBAT berfokus kepada empat tahap kemahiran (mengaplikasi menganalisis, menilai dan mencipta) yang dinyatakan secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam PdPc.

Sementara itu lima KBT yang lain (kemahiran belajar cara belajar, kecerdasan pelbagai, pembelajaran kontekstual, pembelajaran konstruktivisme dan kajian masa depan) masih tetap dinyatakan sebagai salah satu daripada strategi dalam bahagian Strategi Pengajaran dan

Pembelajaran yang perlu diserapkan oleh guru, iaitu sama seperti yang dinyatakan dalam KBSM. Kemahiran TMK pula dinyatakan sebagai salah satu elemen yang terdapat dalam bahagian Elemen Merentas Kurikulum, iaitu sebagai unsur nilai tambah yang diserapkan dalam proses PdPc selain yang ditetapkan dalam standard kandungan.

PERNYATAAN MASALAH

Penyerapan KBT dalam pengajaran masih berada pada tahap rendah dan sederhana. Kajian Lim (2005) mendapati penyerapan PdPc kontekstual fizik pada tahap rendah dan memerlukan penambahbaikan serta sokongan yang lebih memuaskan. Masalah yang dibangkitkan oleh kesemua sampelnya ialah kekurangan masa, bebanan tugas, kekurangan maklumat dan sikap pelajar yang kurang inisiatif. Kajian Norin (2004) menyatakan penggunaan komputer dalam PdPc pada tahap sederhana. Penggunaan komputer pada tahap tinggi hanya pada perkara-perkara pentadbiran dan perkeranian, bukannya dalam proses PdPc. Hal ini mempunyai kaitan dengan kemahiran dan masalah yang dihadapi oleh guru.

Permasalahan yang sering mengganggu penyerapan KBT dalam pengajaran di bilik darjah ialah guru selesa menggunakan pengajaran bersifat konvensional, tumpuan diberikan kepada penguasaan isi kandungan, guru menganggap penyerapan tidak penting dan menganggu usaha untuk menghabiskan sukan pelajaran untuk tujuan peperiksaan dan guru kurang memahami konsep penyerapan kemahiran bernali tambah (Yahya & Roselan 2012).

Amalan guru dikatakan sangat dipengaruhi oleh kepercayaan dan pengetahuan yang ada pada mereka (Siti Zaleha 2015). Mengikut Juriah (2010), guru-guru menghadapi masalah dalam mentafsir dan menterjemahkan kandungan kurikulum secara tepat dan berkesan dalam pengajaran mereka kerana sebahagian 28% - 37% guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah menengah tidak mengkhusus dalam bidang Bahasa Melayu dan Kesusastraan Melayu semasa menuntut di institut perguruan atau universiti.

Kajian Rosnaini (2003) mendapati guru-guru di sekolah masih kurang mendapat latihan tentang pendekatan KBT (kemahiran berfikir) dan juga kurang pengetahuan mengenainya. Guru-guru tidak memahami sepenuhnya KBT kerana mereka

tidak dibekali dengan sebarang teknik bagi memahami dan mengajarkan KBT (kajian masa depan). Didapati pusat pengajian tinggi tidak melatih guru-guru dengan sebaiknya bagi menjalankan tugas ini.

Setelah menyedari wujud pelbagai masalah dalam penyerapan KBT, maka adalah lebih berkesan jika guru sendiri mengenal pasti masalah dalam PdPc dan mencari penyelesaiannya berbanding dengan intervensi yang dipaksa oleh pihak lain (Sharifah Maimunah 2007). Justeru, kajian ini berpendapat bahawa masalah ini perlu dikaji kerana KBT adalah kandungan yang penting untuk memenuhi cabaran abad ke-21 (KPM 2011).

Kemahiran abad ke-21 ialah kemahiran untuk mewujudkan insan yang seimbang merupakan kesinambungan daripada prinsip kurikulum sedia ada yang menekankan kesepadan (KPM 2010). Usaha kerajaan terhadap perubahan kurikulum adalah dengan penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang berpaksikan Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM 2016).

Kurikulum standard ini menganggap Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan negara, bahasa ilmu dan bahasa pengantar di sekolah. Kurikulum Standard menitiberatkan kesepadan (penggabungjalinan kemahiran bahasa dan penyerapan ilmu, KBT dan nilai murni) (KPM 2016).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. Meneroka jenis penyerapan KBT tambah dalam pengajaran guru Bahasa Melayu secara keseluruhan.
2. Meneroka KBT yang banyak diterapkan berdasarkan tajuk pengajaran Bahasa Melayu.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kes pelbagai tempat (Yin 2003) digunakan bagi menghuraikan penyerapan KBT dalam PdPc

Bahasa Melayu. Kajian kes pelbagai tempat lebih digunakan kerana kajian ini melibatkan lebih daripada sebuah sekolah. Dalam kajian ini, kes yang dikaji ialah penyerapan KBT dalam PdPc Bahasa Melayu. Pelbagai tempat pula merujuk kepada tiga buah sekolah menengah kebangsaan di Melaka.

Peserta Kajian

Dalam kajian ini, seramai empat orang guru Bahasa Melayu dan lapan orang pelajar tingkatan 4 dijadikan peserta kajian. Guru yang dipilih sebagai peserta kajian merupakan guru Bahasa Melayu terlatih yang diberi tanggungjawab oleh pihak sekolah untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Guru yang dipilih sebagai peserta kajian juga hendaklah melakukan penyerapan KBT dalam PdPc Bahasa Melayu di dalam kelas. Lapan orang pelajar yang dipilih sebagai peserta kajian ialah pelajar yang diajar oleh empat orang guru Bahasa tersebut. Dua orang pelajar dipilih untuk ditemu bual tentang guru Bahasa Melayu yang mengajar mereka.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian kualitatif ini ialah pemerhatian dan temu bual. Pemerhatian merupakan instrumen utama kajian ini, diikuti temu bual dan analisis dokumen. Kaedah pemerhatian tidak turut serta ini bertujuan mengumpul semua maklumat tanpa mengganggu peserta kajian. Setiap yang diperhatikan akan ditulis dalam senarai semak pemerhatian yang disediakan. Pemerhatian dilakukan dengan memberi fokus utama kepada penyerapan jenis KBT, elemen KBT yang diserapkan dan cara penyerapan terhadap penyerapan KBT dalam PdPc Bahasa Melayu.

Borang pemerhatian digunakan setiap kali pengkaji melaksanakan pemerhatian terhadap PdPc di dalam kelas. Borang pemerhatian ini mengandungi maklumat yang dibahagikan kepada dua bahagian. Maklumat am berkaitan dengan pemerhatian, iaitu tarikh, hari, masa, nama sekolah, nama guru, tingkatan, bilangan pemerhatian dan ruangan catatan disediakan pada muka surat hadapan. Bahagian kedua pula berkaitan dengan penyerapan tujuh jenis KBT

yang mengandungi elemen dalam beberapa bahagian tertentu dan cara penyerapannya.

Temu bual merupakan instrumen kedua yang digunakan dalam pengumpulan data. Temu bual yang digunakan dalam kajian ini merupakan temu bual semi struktur. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam temu bual merupakan soalan yang dapat menambah maklumat kepada data pemerhatian. Soalan yang dirasakan tidak sesuai boleh diabaikan dan soalan lain ditambah mengikut keperluan.

Dua set protokol temu bual dibina dalam kajian ini bagi menjawab persoalan kajian. Set pertama merupakan protokol temu bual yang digunakan untuk menemu bual guru dan set kedua ialah protokol temu bual yang digunakan untuk menemu bual pelajar. Protokol temu bual ini mengandungi enam bahagian. Bahagian 1 merujuk kepada latar belakang peserta kajian (6 soalan). Bahagian 2 berkaitan penyerapan jenis KBT (5 soalan), Bahagian 3 melibatkan penyerapan elemen KBT (4 soalan), Bahagian 4 merujuk cara penyerapan KBT (4 soalan), Bahagian 5 berkenaan maklum balas terhadap penyerapan KBT (3 soalan) dan Bahagian 6 melibatkan kesan penyerapan KBT dalam PdPc Bahasa Melayu (5 soalan).

Analisis Data

Data dianalisis menggunakan perisian Nvivo 10. Pada peringkat ini, data dibaca dengan teliti untuk melihat dan menggambarkan tema yang muncul daripada proses analisis kandungan. Dalam proses ini, dapat dilihat perkaitan antara tema yang telah diperoleh.

DAPATAN KAJIAN

Penyerapan KBT Secara Keseluruhan

Pemerhatian menunjukkan bahawa jenis KBT yang paling kerap diserapkan dalam PdPc Bahasa Melayu ialah kemahiran belajar cara belajar dengan 654 kali. Kemahiran ini paling banyak diserapkan terutamanya dalam pengajaran karangan. Hal ini kemudiannya diikuti pula KBT berkaitan kemahiran berfikir dengan 338 kali, pembelajaran konstruktivisme dengan 170 kali, kecerdasan pelbagai dengan 79 kali dan pembelajaran kontekstual dengan 38 kali.

Sebaliknya, kemahiran TMK dan kajian masa depan langsung tidak pernah diserapkan oleh guru Bahasa Melayu dalam PdPc mereka. Jadual 1 menunjukkan penyerapan jenis-jenis KBT dalam PdPc Bahasa Melayu yang dilakukan oleh empat peserta kajian guru Bahasa Melayu.

JADUAL 1. Kekerapan penyerapan KBT dalam PdPc oleh guru Bahasa Melayu

Bil.	Jenis Kemahiran Bernilai Tambah	GA				GB			
		K	R	S	T	K	R	S	T
1	Kemahiran berfikir	14	27	9	15	22	50	3	28
2	Kemahiran belajar cara belajar	23	38	33	44	52	82	34	46
3	Kemahiran ICT	0	0	0	0	0	0	0	0
4	Kecerdasan pelbagai	1	11	1	2	5	2	11	4
5	Pembelajaran kontekstual	10	0	1	0	3	3	1	2
6	Pembelajaran konstruktivisme	7	0	2	0	47	0	33	0
7	Kajian masa depan	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		55	76	46	61	129	137	82	80
		238				428			
Bil.	Jenis Kemahiran Bernilai Tambah	GC				GD			
		K	R	S	T	K	R	S	T
1	Kemahiran berfikir	23	45	12	8	26	20	10	26
2	Kemahiran belajar cara belajar	43	41	21	28	89	45	8	27
3	Kemahiran TMK	0	0	0	0	0	0	0	0
4	Kecerdasan pelbagai	6	10	5	4	8	2	6	1
5	Pembelajaran kontekstual	1	0	11	0	2	0	4	0
6	Pembelajaran konstruktivisme	13	0	7	0	1	18	27	15
7	Kajian masa depan	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		86	96	56	40	126	85	55	69
		278				335			

Dapatan pemerhatian yang ditriangulasi dengan dapatan temu bual menunjukkan guru mengakui bahawa mereka sering menyerapkan kemahiran berfikir dalam PdPc Bahasa Melayu. Hal ini diakui oleh GA, GB dan GC yang mengatakan bahawa mereka menyerapkan kemahiran berfikir dengan kerap dalam PdPc. Sementara GD mengatakan bahawa beliau kerap menyerapkan kemahiran belajar cara belajar dan kemahiran berfikir. Rumusannya ialah guru-guru Bahasa Melayu banyak menyerapkan dua jenis KBT kemahiran berfikir dan kemahiran belajar cara belajar.

Contoh temu bual dengan guru:

- GA : Kalau yang selalulah, yang kerap saya buat, kemahiran berfikir
- GB : Kemahiran berfikir memanglah pernah. Kerap la.
- GC : Yang sangat kerap tu kemahiran berfikir
- GD : Yang paling banyaknya kemahiran berfikir dan kemahiran belajar.

Kemahiran belajar cara belajar dan kemahiran berfikir yang kerap diserapkan oleh guru dalam PdPc Bahasa Melayu turut diakui oleh pelajar mereka. Pelajar mengatakan bahawa guru-guru Bahasa Melayu mereka kerap menyerapkan dua KBT dalam PdPc, iaitu kemahiran berfikir dan kemahiran belajar cara belajar. Sebagai contoh, M2GA, M2GB, M1GC dan M1GD mengakui bahawa GA kerap menyerapkan kemahiran berfikir dan kemahiran belajar cara belajar semasa mengajar Bahasa Melayu.

Contoh temu bual dengan pelajar:

- M2GA : Kemahiran berfikir yang selalu. Cara belajar pun selalu.
- M2GB : Yang selalu cikgu serapkan yang inilah. Kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar...
- M1GC : Kemahiran berfikir dengan belajar cara belajar sajalah. Dua ni sajalah. Yang lain tak pernah.
- M1GD : Yang paling banyak, kemahiran berfikir.

Sebaliknya, KBT berkaitan TMK tidak pernah digunakan atau jarang-jarang diserapkan oleh guru Bahasa Melayu sepanjang kajian ini dijalankan. Melalui temu bual didapati kemahiran ICT tidak diserapkan oleh keempat-empat orang guru dalam pengajaran. Hal ini diakui oleh guru GA dan GC yang menyatakan mereka tidak menerapkan kemahiran TMK ketika mengajar.

Contoh temu bual dengan guru:

- GA : Kemahiran teknologi maklumat saya tak buat.
- GC : Teknologi maklumat dan komunikasi ni saya tak sempat buat la tahun ni.
- GD : Jarang la. Jarang. Bukan tak buat langsung.

Bukti bahawa guru-guru Bahasa Melayu tidak menggunakan TMK dalam PdPc Bahasa Melayu turut disokong oleh pelajar ketika ditemu bual.

Contoh temu bual dengan pelajar:

- M1GA : Tak pernah ajar. Dalam kelas tak pernah

cikgu guna komputer.

- M1GC3 : Yang teknologi maklumat ada bila nak buat karangan. Kat rumah. Di sekolah, tak pernah. Cikgu tak pernah bawa masuk makmal dari awal tahun.
- M1GD4 : Teknologi maklumat cikgu tak pernah guna. Suruh cari sendiri di rumah.

Demikian juga KBT berkaitan kajian masa depan. Guru-guru Bahasa Melayu tidak menyerapkan kajian masa depan dalam PdPc mereka. Melalui temu bual menunjukkan dapatan kajian masa depan tidak diserapkan oleh tiga daripada empat orang guru Bahasa Melayu dalam pengajaran mereka. GA, GB dan GD tidak menyerapkan kajian masa depan. Hanya GC sahaja yang menyerapkan kajian masa depan dalam pengajarannya, iaitu sebanyak 8 kali.

Contoh temu bual dengan guru:

- GA : Yang kajian masa depan itu macam mana eh? Itu pun rasa-rasanya saya tak buat.
- GB : Memanglah semua kemahiran bernilai tambah ada diserapkan dalam kelas. Tapi kemahiran masa depan tak pasti.
- GD : Kajian masa depan ada lah kaitkan dengan bidang pekerjaan tapi bukan setiap kali mengajar kita kaitkan dengan kajian masa depan.
- GC : Kajian masa depan dalam 8 kali

Tidak ada penyerapan KBT berkaitan kajian masa depan ini diakui oleh pelajar guru-guru Bahasa Melayu. M1GB menyatakan bahawa dia tidak pasti sama ada GB pernah menyerapkan kajian masa depan atau tidak. M1GC pula menyatakan bahawa GC tidak pernah menyerapkan kajian masa depan. M1GD dan M2GD juga menyatakan perkara yang serupa.

Contoh temu bual dengan pelajar:

- M1GB : Yang lain-lain tu (kajian masa depan) tak pasti.
- M1GC : Kajian masa depan tak pernah.
- M1GD : Rasanya pasal kajian masa depan tu tak ada kot. Tak ada cikgu buat pun.

Sebagai rumusan, guru-guru Bahasa Melayu hanya memberi fokus kepada lima daripada tujuh KBT yang diterapkan dalam PdPc mereka.

Penyerapan KBT mengikut Tajuk Pengajaran

Jenis-jenis KBT yang diserapkan dalam PdPc berdasarkan tajuk. Jadual 2 menunjukkan data pemerhatian tentang penyerapan jenis-jenis KBT dalam PdPc Bahasa Melayu berdasarkan tajuk.

JADUAL 2. Penyerapan jenis KBT dalam PdPc Bahasa Melayu berdasarkan tajuk

Jenis-jenis KBT	K	R	S	T	Jumlah
1. Kemahiran Berfikir	85	142	34	77	338
2. Kemahiran Belajar Cara Belajar	207	206	96	145	654
3. Kemahiran ICT	0	0	0	0	0
4. Kecerdasan Pelbagai	20	25	23	11	79
5. Pembelajaran Kontekstual	16	3	17	2	38
6. Pembelajaran Konstruktivisme	68	18	69	15	170
7. Kajian Masa Depan	0	0	0	0	0
Jumlah	396	394	239	250	1279

Tajuk: K = Karangan, R = Rumusan, S = Sastera,
T = Tatabahasa

Dari segi penyerapan KBT dalam tajuk PdPc Bahasa Melayu, KBT paling kerap diserapkan dalam tajuk karangan dan rumusan, diikuti dengan penyerapan dalam tajuk tatabahasa dan KOMSAS. KBT kemahiran belajar cara belajar paling banyak diserapkan dalam setiap tajuk yang diajar, iaitu paling banyak diserapkan bagi tajuk karangan (207 kali) dan diikuti dengan tajuk rumusan (206 kali), tatabahasa (145 kali) dan KOMSAS (96 kali). Kemahiran berfikir juga kerap diserapkan bagi tajuk rumusan (142 kali), karangan (85 kali), tatabahasa (77 kali) dan paling sedikit tajuk KOMSAS dengan 34 kali.

Data temu bual juga mengukuhkan dapatan pemerhatian, iaitu kemahiran belajar cara belajar banyak diserapkan dalam tajuk pengajaran karangan, rumusan dan tatabahasa. Melalui temu bual dengan pelajar, kemahiran berfikir banyak diserapkan dalam pengajaran karangan dan rumusan. Misalnya, M2GA dan M2GB menyatakan bahawa GA meminta pelajar berfikir dalam pengajaran rumusan dan karangan.

Contoh temu bual dengan pelajar:

M2GA : Banyak kemahiran berfikir. Rumusan dengan karangan dia suruh fikir.

M2GB : Kemahiran belajar cara belajar, selalu cikgu ajar buat karangan...

Kemahiran berfikir juga diserapkan dalam pengajaran karangan oleh GC. M1GC mengatakan bahawa GC menyerapkan kemahiran berfikir dalam pengajaran karangan, iaitu apabila pelajar perlu berfikir semasa penulisan karangan.

Contoh temu bual dengan pelajar:

M1GC : Kemahiran berfikir tu macam Itu sajalah. Macam buat karangan tu kena fikirkan.

GD menjelaskan bahawa beliau menyerapkan kemahiran belajar cara belajar bagi tajuk rumusan dan tatabahasa dengan meminta pelajar membuat mencatat apabila mempelajari tajuk tersebut. Kemahiran berfikir pula banyak diserapkan dalam rumusan dan karangan supaya pelajar dapat menentukan isi karangan atau rumusan berdasarkan maklumat yang diperoleh.

Contoh temu bual dengan guru:

GD : Kemahiran belajar cara belajar setiap kali la sebab rumusan pakai, tatabahasa sebab dia nak kena pastikan kesalahan imbuhan itu dia nak catatkan. 12 kali juga. Sama banyak la.

GD : Sebab kalau kemahiran berfikir semua pelajar kena berfikir untuk mencari maklumat supaya kita asah dia supaya dapat memilih antara isi dengan yang bukan.

Sebagai rumusan, dari segi KBT berdasarkan tajuk, guru-guru Bahasa Melayu banyak menyerapkan KBT dalam kesemua tajuk karangan, rumusan, KOMSAS dan tatabahasa. Dari segi jenis KBT yang digunakan, guru-guru Bahasa Melayu ini banyak menggunakan kemahiran belajar cara belajar, kemahiran berfikir, pembelajaran konstruktivisme, kecerdasan pelbagai dan pembelajaran kontekstual ketika mengajar tajuk-tajuk karangan, rumusan, KOMSAS dan tatabahasa ini. Sebaliknya, KBT berkaitan kemahiran ICT dan kajian masa depan tidak diterapkan semasa mengajar keempat-empat tajuk Bahasa Melayu tersebut.

PERBINCANGAN

Penyerapan Jenis-Jenis KBT dalam PdPc

Dapatkan kajian mendapati KBT yang kerap diserapkan dalam PdPc Bahasa Melayu ialah kemahiran belajar cara belajar. Seterusnya diikuti dengan penyerapan kemahiran berfikir. Kemahiran

ICT serta kajian masa depan tidak diserapkan dalam PdPc semasa pemerhatian kajian dilakukan. Dapatkan kajian ini jelas menyokong kajian oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2011 tentang pengajaran guru yang mendapati bahawa hanya 12% daripada pengajaran disampaikan pada standard yang tinggi, iaitu melaksanakan lebih banyak amalan terbaik pedagogi. Sebaliknya 50% daripada pengajaran yang disampaikan tidak memuaskan (KPM 2012a).

Walaupun telah dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KPM 2002a) bahawa terdapat tujuh kemahiran yang perlu diserapkan oleh guru dalam PdPc Bahasa Melayu di dalam kelas, namun perkara ini didapati tidak berlaku semasa pemerhatian kajian dilakukan. Guru hanya menyerapkan kemahiran belajar cara belajar secara kerap. Kemahiran berfikir diserapkan secara sederhana dan tiga kemahiran lain, iaitu pembelajaran konstruktivisme, kecerdasan pelbagai dan pembelajaran kontekstual diserapkan dengan sedikit sahaja. Sementara itu kemahiran TMK serta kajian masa depan tidak diserapkan sama sekali. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penyerapan KBT belum dilaksanakan dengan berkesan oleh guru dalam PdPc Bahasa Melayu.

Dapatkan kajian yang mendapati bahawa penyerapan pembelajaran konstruktivisme, kecerdasan pelbagai, pembelajaran kontekstual, kemahiran TMK serta kajian masa depan dilakukan pada tahap yang rendah turut menyokong dapatkan kajian-kajian terdahulu walaupun kajian-kajian tersebut hanya memberi tumpuan terhadap satu jenis KBT sahaja. Kajian tersebut menunjukkan bahawa KBT tidak diserapkan secara sepenuhnya oleh para guru, iaitu hanya diserapkan pada tahap yang rendah. Antaranya ialah kajian Rahimah (2013), Norhiza (2014), dan Sumarni (2017) terhadap penyerapan kemahiran TMK, kajian Andi Budiarman ((2015) dalam penyerapan pembelajaran kontekstual, kajian Farah Adlina (2016) dan Bhavani (2016) terhadap pembelajaran konstruktivisme.

Namun demikian, dapatkan kajian adalah bertentangan dengan beberapa kajian yang menunjukkan bahawa penyerapan KBT adalah pada tahap tinggi. Hal ini ditunjukkan dalam kajian Wan Khairuddin (2006) terhadap penyerapan TMK, kajian Siti Safariah (2009) terhadap penyerapan pembelajaran kontekstual

serta kajian Aziz dan Zaiton (2010) terhadap penyerapan pembelajaran konstruktivisme. Rumusannya, penyerapan jenis-jenis KBT banyak bergantung pada faktor guru, faktor pelajar dan juga tajuk yang diajar.

Penyerapan Jenis-Jenis KBT berdasarkan Tajuk

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa KBT kemahiran belajar cara belajar dan kemahiran berfikir kerap diserapkan dalam PdPc bagi tajuk rumusan dan karangan. GA kerap menyerapkan KBT dalam tajuk rumusan dan tatabahasa, GB dan GC pula kerap menyerapkan KBT dalam tajuk rumusan dan karangan sementara GD kerap menyerapkan KBT dalam tajuk karangan dan rumusan. Hal ini menunjukkan bahawa guru menggemari rumusan dan karangan merupakan tajuk bagi menyerapkan KBT. Hal ini mungkin kerana penyerapan kemahiran belajar cara belajar terutamanya pengurusan masa belajar dan kemahiran berfikir sangat diperlukan dalam penulisan karangan dan rumusan. Pelajar dikehendaki mengenal pasti idea utama dan idea sokongan, mengenal pasti kenyataan benar atau palsu serta menjana idea yang berkaitan dengan penulisan karangan dan rumusan dalam masa yang ditetapkan. Perkara ini ditekankan oleh guru supaya PdPc berjalan lancar dan dapat diselesaikan dalam dua masa PdPc Bahasa Melayu pada hari tersebut.

Dapatkan kajian ini merupakan dapatkan yang baru bagi penyelidikan berkaitan bernalai tambah. Hal ini adalah kerana kajian-kajian terdahulu tidak mengkaji penyerapan KBT dari segi perbandingan tajuk yang diajar dalam sesuatu PdPc Bahasa Melayu. Kajian terdahulu menumpukan perhatian terhadap penyerapan KBT dalam PdPc dalam mata pelajaran Bahasa Melayu secara umum sahaja. Selain itu, kajian dibuat terhadap penyerapan KBT dalam tajuk PdPc yang tertentu sahaja tanpa membandingkan penyerapan KBT dalam tajuk-tajuk tersebut.

Beberapa kajian dilakukan terhadap penyerapan KBT dalam PdPc Bahasa Melayu secara umum, iaitu tanpa menjurus kepada tajuk PdPc. Kajian yang dilakukan ialah mengkaji penyerapan kemahiran berfikir (Mohd Izzuddin & Zamri 2016), kemahiran belajar cara belajar (Zamri 2015), kemahiran TMK (Norhiza 2014,

Sumarni 2017), kecerdasan pelbagai (Nor Razah 2007, Yahya & Roselan 2009) kontekstual (Andi Budiarman 2015), pembelajaran konstruktivisme (Alizah 2015, Farah Adlina 2016), dan kajian masa depan (Samsiah 2008).

Sementara itu beberapa kajian dilakukan terhadap penyerapan KBT dalam PdPc Bahasa Melayu dengan memfokuskan kajian kepada tajuk PdPc. Kajian terhadap PdPc bagi tajuk karangan dilakukan dengan melihat penyerapan kemahiran berfikir (Farah Adlina & Zamri 2016, Rahimah & Zamri 2016), kemahiran belajar cara belajar (Zamri 2015), konstruktivisme (Suria 2008) dan kecerdasan pelbagai (Roselan 2001). Bagi tajuk rumusan pula kajian ialah terhadap penyerapan kemahiran belajar cara belajar (Norliza 2007).

PdPc KOMSAS dikaji dengan melihat penyerapan kemahiran berfikir (Khairuddin 2008), kecerdasan pelbagai (Seman 2005) dan konstruktivisme (Syahida Nadia 2015, Zurainu & Abdull Sukor 2012). Sementara itu bagi PdPc tajuk tatabahasa, kajian adalah terhadap penyerapan kemahiran belajar cara belajar (Norliza & Mohamad 2009, Zamri 2015) kecerdasan pelbagai (Nor Adzleena 2003) dan pembelajaran kontekstual (Andi Budiarman 2015).

KESIMPULAN

Dapatkan kajian mendapati KBT yang kerap diserapkan dalam PdPc Bahasa Melayu ialah kemahiran belajar cara belajar dan diikuti dengan kemahiran berfikir. Kemahiran TMK serta kajian masa depan tidak diserapkan semasa kajian dilakukan. KBT kerap diserapkan bagi tajuk rumusan dan Karangan. GB dan GD yang mempunyai pengalaman lama dalam PdPc Bahasa Melayu di tingkatan 4 merupakan guru yang kerap melakukan penyerapan KBT ini berbanding dengan GA dan GC yang kurang pengalaman. Dapatkan kajian juga mendapati guru memilih jenis-jenis KBT yang tertentu untuk diserapkan dalam PdPc Bahasa Melayu kerana beberapa sebab, iaitu faktor pelajar, faktor guru, faktor PdPc dan faktor kemudahan.

RUJUKAN

Alizah Lambri. 2015. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berpusatkan pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi.

Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Andi Budiarman. 2015. Penggunaan pendekatan kontekstual dalam peningkatan pencapaian menulis karangan, minat dan motivasi pelajar sekolah menengah atas di Indonesia. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Aziz Nordin & Zaitun Osman. 2010. Penerapan konstruktivisme di dalam pengajaran dan pembelajaran asid dan bes di lima buah sekolah di Pekan Pahang. *Journal Science & Education*. 15: 1-30.

Bhavani a/p Somasundram. 2016. Keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap pencapaian dan motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Farah Adlina Mokter & Zamri Mahamod. 2016. Keberkesanan pembelajaran berdasarkan masalah terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi dalam karangan Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Pendidikan Kesusastraan Melayu*, 417-428. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Farah Adlina Mokter. 2016. Kesan pembelajaran berdasarkan masalah terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dalam karangan Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Juriah Long. 2010. Senario dan cabaran pengajaran, pembelajaran Bahasa Melayu masa kini. Dlm. Juriah Long (pnyt.). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*, hlm. 17-32. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kementerian Kewangan Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Ke-9, 2006-2010*. Putrajaya.

Kementerian Kewangan Malaysia. 2011. *Rancangan Malaysia Ke-10, 2011-2015*. Putrajaya.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002a. *Sukatan pelajaran Bahasa Melayu kurikulum bersepadu sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002b. *Huraian Sukatan pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 1*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 1*. Putrajaya.
- Khairuddin Mohamad. 2008. Amalan penyerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran cerpen KOMSAS Bahasa Melayu. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairul Azam Bahari. 2006. Penyerapan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dlm. Idris Mohd Radzi & Dahlia Janan (pnyt.). *Mengajar dan belajar Bahasa Melayu: Penyerapan kemahiran bernilai tambah*, 142-153. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lim Yit Lee. 2005. Pengajaran dan pembelajaran kontekstual fizik. Kajian kes di sebuah sekolah menengah teknik. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izzuddin Che Azahari & Zamri Mahamad. 2016. Keberkesanan penggunaan I-Think dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Pendidikan Kesussasteraan Melayu*, 95-112. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Adzleena Wahap. 2003. Meningkatkan kemahiran membaca ayat selapis yang mengandungi gabungan suku kata kv dan kvk. *Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan*, 177-186. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Razah Lim. 2007. Penggunaan teknik penyoalan lisan dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhiza Fadila. 2014. Kompetensi, sikap dan penggunaan aplikasi web 2.0 sebagai bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang Bahasa Melayu sekolah rendah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norliah Kasim. 2005. Penerapan teori kecerdasan pelbagai melalui elemen kecerdasan verbal linguistik dalam pengajaran Bahasa Melayu prasekolah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norliza Abu Bakar & Mohamad Musip. 2009. Tahap kesedaran meta kognitif pelajar Kursus Perguruan Lepas Ijazah major Bahasa Melayu dalam penguasaan sistem Bahasa Melayu. *Jurnal Akademik IPG Kampus Bahasa Melayu*, 13: 133-151.
- Norliza Abu Bakar. 2007. Kesedaran meta kognitif pelajar sekolah menengah dalam aktiviti rumusan karangan Bahasa Melayu. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahimah Ahmad & Zamri Mahamod. 2016. Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran karangan oleh guru Bahasa Melayu: Satu kajian kes. *Prosiding Seminar Pasca Siswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Pendidikan Kesussasteraan Melayu*, 331-349. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahimah Sabtu. 2013. Penggunaan web 2.0 dalam pengajaran Komsas Bahasa Melayu murid sekolah menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roselan Baki. 2001. Interaksi lisan dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu daripada perspektif guru. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnaini Sulaiman. 2003. Pelaksanaan pendekatan pengajaran kemahiran berfikir dalam mata pelajaran Sejarah: Satu Kajian Kes. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samsiah Mustaffa @ Hamzah. 2008. Modul pengajaran: Penyerapan pengajaran berasaskan kajian masa depan dalam mata

- pelajaran Bahasa Melayu. Disertasi Sarjana. Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Seman Salleh. 2005. Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran komponen Kesusastraan Melayu (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Maimunah Syed Zin. 2007. KBSR dan KBMS menghasilkan modal insan yang gemilang: Satu refleksi. *Prosiding Persidangan Kurikulum Kebangsaan 2007*, 31-45.
- Siti Safariah Abdullah Omar. 2009. Hubungan amalan pengajaran dan pembelajaran dengan pencapaian pelajar di sekolah menengah agama kerajaan negeri Selangor. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Siti Zaleha Mohd. Nor. 2015. Pelaksanaan konsep 5P (penggabungjalinan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian) dalam pengajaran Bahasa Melayu. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sumarni Lapammu. 2017. Pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap pembelajaran maya VLE-frog dalam Bahasa Melayu daerah Tawau. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suria Baba. 2008. Strategi pengajaran dan pembelajaran bestari dalam aktiviti prapenulisan. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syahida Nadia Zakaria. 2015. Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2): 12-21.
- Wan Khairudin Wan Yahya. 2006. Penggunaan ICT di kalangan guru Pendidikan Islam: Kajian di sekolah-sekolah menengah daerah Rompin. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahya Othman & Roselan Baki. 2009. Pelaksanaan kecerdasan pelbagai dalam pengajaran. *Malaysian Education Deans' Council Journal* 3: 108-113.
- Yahya Othman & Roselan Baki. 2012. Penyerapan dalam pengajaran Bahasa Melayu. <http://yahyaothman.blogspot.com/2012/02/penyerapan-dalam-pengajaran-bahasa.html>. [17 Mac 2013].
- Yin. R.K. 2003. *Applications of case study research*. Edisi ke2. Thousand Oaks, California: Sage Publication.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. 2015. *Strategi pembelajaran: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. 2016. *Sosiolinguistik dan pengajaran bahasa*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukor Shaari. 2012. Keberkesanan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pengajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (5): 79-92.